

RABU, 21 MEI, 1980

B'putera dalam industri getah

SEBUAH badan atau pertubuhan peniaga-peniaga getah Bumiputera yang benar-benar pakar mengendalikan urusan niaga dan eksport getah asli seperti yang disebut oleh Datuk Seri Dr. Mahathir memang sudah sampai masanya ditubuhkan mengingat bahawa walaupun 38 peratus dari jumlah peniaga-peniaga getah terdiri dari Bumiputera, tetapi kebanyakannya menumpukan kegiatan-kegiatan mereka di peringkat daerah dan kampung.

Sesungguhnya benar apa yang dikata Timbalan Perdana Menteri bahawa ada jurang luas yang memisahkan kedudukan peniaga-peniaga getah Bumiputera yang di peringkat bawah atau rendah itu dengan peniaga-peniaga getah bukan Bumiputera yang kebanyakannya di peringkat atas atau lebih tinggi.

Walaupun pertubuhan-pertubuhan Kerajaan seperti Mardec, Risa dan Felcra seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri merupakan penyertaan Bumiputera di peringkat pertengahan, ini tentulah tidak memuaskan hati kerana badan-badan kerajaan walau bagaimana pun mewakili rakyat kerana kerajaan sendiri mewakili seluruh rakyat. Sekiranya ada pun badan-badan yang dikhaskan mewakili Bumiputera semata-mata, itu pun kurang memuaskan selagi rakyat Bumiputera sendiri tidak mengendalikan secara langsung.

Maka itu, pakar-pakar urusan niaga getah yang terdiri dari Bumiputera amatlah perlu, terutama yang mahir dan layak mengendalikan urusan-urusan pembelian getah dan mengeksportnya ke luar negeri. Tetapi pakar-pakar ini tidak boleh muncul begitu sahaja tanpa terlebih dahulu dididik, sama ada oleh Kerajaan atau beberapa orang yang berpengalaman.

Apa yang kita lihat sekarang ialah ramainya peniaga kecil getah asli Bumiputera yang menjual getah kepada saudagar-saudagar getah bukan Bumiputera untuk dijual pula kepada syarikat-syarikat yang lebih besar yang mengeksport getah itu ke seberang laut. Nyatalah keadaan seperti ini amat tidak memuaskan sedangkan yang berusaha menanam getah asli itu kebanyakannya Bumiputera.

Bumiputera boleh menjadi peniaga-peniaga getah besar seperti bukan Bumiputera tetapi kerana mereka telah tercicir dan nampaknya amat sukar mengejar ke hadapan, maka bimbingan adalah perlu dari Kerajaan untuk mengangkat taraf perniagaan getah Bumiputera itu. Peniaga-peniaga getah yang hadir di seminar Universiti Malaya itu harus memikirkan baik-baik apa yang dianjurkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan beramai-ramai bermesyuarat serta bermuafakat mencari jalan dan cara.